

## **PERBANDINGAN TAKSIRAN ZAKAT PERTANIAN DI NEGERI-NEGERI TERPILIH DI MALAYSIA**

**The Comparative Assessment of Agricultural *Zakāh* in  
Selected States in Malaysia**

**Muhamad Firdaus Ab Rahman<sup>1</sup>**

**Luqman Abdullah<sup>2</sup>**

**Nor Aini Ali<sup>3</sup>**

### **ABSTRACT**

*The administration and management of zakāh is under the jurisdiction of State Islamic Religious Councils. Thus, the assessment of zakāh on agricultural produce is based on policies, enactment or fatwas' determined in the state. This article will analyse the assessment of zakāh on agricultural products by the zakāh institutions and State Mufti Department in a number of states namely Selangor, Penang, Perlis, Terengganu and Sarawak. The analysis will take into account several matters*

---

<sup>1</sup> Fellowship, Faculty Shariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, firdaus\_srcisum@yahoo.com

<sup>2</sup> Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, luqmanabdullah@um.edu.my

<sup>3</sup> Senior Lecturer, Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, aini@um.edu.my

*such as the taxable rate, the niṣāb and the assessment method of assessment. The data for this study has been obtained mainly through interview. The research shows that zakāh institutions in the selected states have applied different taxable rates ranging from 5%-10%. The niṣābs that they use have also been found to be different which are between 363 to 400 bushels. In the assessment procedure, it is found that the majority of the zakāh institutions observed have deducted the cost of plantation operation from the basic taxable income.*

**Keywords:** agriculture alms, non-uniformity, nisab, rate, deduction of costs

## PENDAHULUAN

Realiti pengurusan zakat di Malaysia terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dalam Jadual Kesembilan Senarai II (Senarai Negeri).<sup>4</sup> Pengurusan dan pentadbiran zakat di Malaysia terbahagi kepada empat jenis iaitu:

- i. Badan korporat iaitu agihan dan pungutan zakat diletakkan di bawah pengurusan badan korporat iaitu Lembaga Zakat Selangor, Zakat Pulau Pinang, Pusat Zakat Sabah, dan Tabung Baitulmal Sarawak.<sup>5</sup>
- ii. Semi-korporat hanya kutipan zakat sahaja diletakkan di bawah pengurusan badan korporat iaitu Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan), Pusat Zakat Melaka, Pusat Kutipan Zakat Pahang dan Pusat Zakat Negeri

---

<sup>4</sup> Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai II (Negeri).

<sup>5</sup> Lembaga Zakat Selangor, ‘Sejarah,’ laman sesawang *Lembaga Zakat Selangor*, <http://www.e-zakat.com.my/sejarah-lzs/>, 2 Disember 2013; Zakat Pulau Pinang, ‘Sejarah,’ laman sesawang *Zakat Pulau Pinang*, <http://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/info-zpp/sejarah-penubuhan>, 2 Disember 2013; Pusat Zakat Sabah, ‘Sejarah,’ laman sesawang *Pusat Zakat Sabah*, <http://www.zakat.sabah.gov.my/profail-pzs/sejarah.html>, 2 Disember 2013; Tabung Baitulmal Sarawak, ‘Latar Belakang,’ laman sesawang *Tabung Baitulmal Sarawak*, <http://www.tbs.org.my/www/?page=5>, 2 Disember 2013.

Sembilan. Manakala agihan zakat masih di bawah pengurusan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN);<sup>6</sup>

- iii. Jabatan tersendiri (yang terasing daripada Majlis Agama Islam Negeri) iaitu Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman, seperti mana Jabatan Mufti Negeri dan Jabatan Syariah Negeri;<sup>7</sup>
- iv. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) iaitu kuasa memungut dan mengagihkan zakat diletakkan di bawah bidang kuasa MAIN iaitu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, Majlis Agama Islam Negeri Johor, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.<sup>8</sup>

Bagi tujuan artikel ini, penulis akan menganalisis zakat pertanian dan pengurusannya di lima buah negeri yang menjadi sampel kajian iaitu di Selangor, Sarawak, Pulau Pinang, Terengganu dan Perlis. Jadual 1 di bawah

---

<sup>6</sup> Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, ‘Sejarah,’ laman sesawang *Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan*, <http://www.zakat.com.my/info/>, 2 Disember 2013; Pusat Zakat Melaka, ‘History of PZM,’ laman sesawang *Pusat Zakat Melaka*, [http://www.izakat.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=10&Itemid=27&lang=en](http://www.izakat.com/index.php?option=com_content&view=article&id=10&Itemid=27&lang=en), 2 Disember 2013; Pusat Kutipan Zakat Pahang, ‘Profil PKZ,’ laman sesawang *Pusat Kutipan Zakat Pahang*, <http://www.zakatpahang.my/v2/InfoPkzProfilSejarah.aspx>, 2 Disember 2013; Pusat Zakat Negeri Sembilan, ‘Sejarah Penubuhan,’ laman sesawang *Pusat Zakat Negeri Sembilan*, <http://www.zakatns.com.my/ver4/info-pzns/sejarah-penubuhan>, 2 Disember 2013.

<sup>7</sup> Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman, ‘Profil JZNK’ laman sesawang *Jabatan Zakat Negeri Kedah*, <http://www.zakatkedah.com/>, 10 November 2013.

<sup>8</sup> Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, ‘Latar Belakang,’ laman sesawang *Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis*, <http://maip.perlis.gov.my/index.php/mengenai-maips/latar-belakang>, 2 Disember 2013; Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, ‘Profil MAIPk,’ laman sesawang *Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak*, <http://www.maiamp.gov.my/maiamp/maipk/index.php/profil-maipk/objektif>, 2 Disember 2013; Majlis Agama Islam Negeri Johor, ‘Latarbelakang,’ laman sesawang *Majlis Agama Islam Negeri Johor*, [http://www.maij.gov.my/?page\\_id=22](http://www.maij.gov.my/?page_id=22), 2 Disember 2013; Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, ‘History,’ laman sesawang *Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan* [http://www.e-maik.my/bi/index.php?option=com\\_content&view=article&id=289&Itemid=771](http://www.e-maik.my/bi/index.php?option=com_content&view=article&id=289&Itemid=771), 2 Disember 2013; Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, ‘Sejarah Penubuhan,’ laman sesawang *Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu*, <http://www.maidam.gov.my/v3/index.php/profil/sejarah-penubuhan>, 2 Disember 2013.

menunjukkan pengurusan dan pentadbiran zakat pertanian di negeri-negeri yang menjadi sampel kajian.

Jadual 1: Pentadbiran Zakat Pertanian di Malaysia.

Bil	Negeri	Pengurusan Zakat Pertanian
1.	Selangor	Lembaga Zakat Selangor (LZS)
2.	Pulau Pinang	Zakat Pulau Pinang (ZPP)
3.	Sarawak	Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)
4.	Terengganu	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)
5.	Perlis	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)

Sumber: Laman Sesawang Institusi Zakat Negeri.<sup>9</sup>

## DEFINISI ZAKAT PERTANIAN DI MALAYSIA

Di Malaysia, kesemua negeri hanya mengenakan zakat ke atas tanaman padi sahaja berdasarkan pandangan Imām al-Shāfi’ī yang mengenakan terhadap makanan asasi sesuatu tempat, hasil pertanian yang mengenyangkan dalam keadaan biasa iaitu makanan yang tidak terdiri daripada makanan selingan di masa kesempitan, diusahakan oleh manusia, tahan disimpan lama dan boleh dikeringkan.<sup>10</sup> Walau bagaimanapun, tidak semua negeri menyebut secara khusus kepada padi kerana terdapat juga negeri yang menyebut hasil-hasil lain secara umum. Di Selangor misalnya, Lembaga Zakat Selangor (LZS) mendefinisikan zakat pertanian sebagai:

<sup>9</sup> Lembaga Zakat Selangor, ‘Sejarah’, laman sesawang *Lembaga Zakat Selangor*, <http://www.e-zakat.com.my/sejarah-lzs/>, 2 Disember 2013; Zakat Pulau Pinang, ‘Sejarah,’ laman sesawang *Zakat Pulau Pinang*, <http://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/info-zpp/sejarah-penubuhan>, 2 Disember 2013; Tabung Baitulmal Sarawak, ‘Latar Belakang,’ laman sesawang *Tabung Baitulmal Sarawak*, <http://www.tbs.org.my/www/?page=5>, 2 Disember 2013; Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, ‘Sejarah Penubuhan,’ laman sesawang *Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu*, <http://www.maidam.gov.my/v3/index.php/profil/sejarah-penubuhan>, 2 Disember 2013; Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, ‘Latar Belakang,’ laman sesawang *Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis*, <http://maip.perlis.gov.my/index.php/mengenai-maips/latar-belakang>, 2 Disember 2013.

<sup>10</sup> Al-Shāfi’ī, *al-Umm*, vol. 2 (Beirūt: Dār al-Ma’ārif, 1973), 34; Al-Khāṭib al-Sharbinī, *Mughnī al-Muḥtāj*, vol. 2 (Beirut: Dār al-Fikr, 1978), 381; Al-Sayūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd Rahmān, *al-Ashbah wa al-Nazāir*, cet. ke-2 (Riyādh: Maktabah Nazār Muṣṭafā al-Bāz, 1997), 471.

*“Satu zakat yang dikenakan ke atas makanan asasi yang mengenyangkan ke atas sebuah negeri yang telah cukup nisab. Hasil tanaman yang wajib dizakatkan adalah bijirin-bijirin daripada jenis makan asasi yang mengenyangkan dan tahan lama jika disimpan seperti padi, kurma, jagung, gandum dan sebagainya. Makanan asasi bagi penduduk di Malaysia adalah nasi dan nasi dihasilkan daripada padi.”<sup>11</sup>*

Di Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) menambah syarat hasil tanaman “yang diusahakan oleh orang Islam”<sup>12</sup> dan “di atas tanah milik sendiri, sewa atau sebagainya”<sup>13</sup> dalam pendefinisian zakat tanaman mereka. Manakala di Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) mendefinisikan sebagai sebahagian daripada “pendapatan bersih” dan “hasil pertanian yang bermanfaat.”<sup>14</sup> Penulis beranggapan sesuatu pentafsiran itu berhubung rapat dengan perlaksanaannya. Sebagai contoh, di Sarawak mengenakan istilah “pendapatan bersih” disebabkan TBS membenarkan penolakan kos operasi sebelum dikenakan zakat berbanding Selangor yang hanya mengenakan ke atas hasil kasar. Namun istilah “hasil pertanian yang

---

<sup>11</sup> Lembaga Zakat Selangor, ‘Zakat Pertanian,’ laman sesawang *Lembaga Zakat Selangor*, <http://www.e-zakat.com.my/zakat-harta/zakat-pertanian/>, 31 September 2012.

<sup>12</sup> Zakat Pulau Pinang, ‘Zakat Pertanian,’ laman sesawang *Zakat Pulau Pinang*, [http://www.zakatpenang.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=23&Itemid=102](http://www.zakatpenang.com/index.php?option=com_content&view=article&id=23&Itemid=102), 2 September 2012. Zakat Pertanian didefinisikan sebagai zakat hasil tanaman yang diusahakan oleh orang Islam sama ada dalam bentuk biji-bijian atau buah-buahan dengan syarat-syarat tertentu. Bagi negeri Pulau Pinang, tanaman utama yang menjadi makanan asasi penduduknya ialah padi. Sifat khusus yang membezakan zakat pertanian dengan zakat-zakat yang lain ialah zakat pertanian merupakan zakat atas hasil sahaja, sedangkan zakat-zakat lain merupakan zakat atas hasil dan modal sekali.

<sup>13</sup> Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis, *Buku Panduan Mengeluarkan Zakat* (Perlis: Baitulmal MAIPs, t.t), 17. Zakat pertanian didefinisikan sebagai zakat hasil tanaman yang diusahakan oleh manusia di atas tanah milik sendiri, sewa dan sebagainya, sama ada berbentuk biji-bijian dan buah-buahan tertentu sahaja atau dalam sebarang bentuk lain yang diusahakan oleh mereka.

<sup>14</sup> Tabung Baitulmal Sarawak, ‘Tanam-Tanaman,’ laman sesawang *Tabung Baitulmal Sarawak*, [http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my/zakatpertanian\\_4.html](http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my/zakatpertanian_4.html), 31 Ogos 2012. Zakat Pertanian (Padi) bermaksud mengeluarkan sebahagian daripada pendapatan bersih hasil pertanian yang diusahakan oleh orang Islam yang terdiri daripada jenis biji-bijian atau buah-buahan atau mana-mana hasil pertanian yang bermanfaat setelah memenuhi syarat-syarat yang dikenakan zakat.

bermanfaat” telah membuka dimensi *maṣlaḥah* dalam memperluaskan hasil tanaman selain padi kepada hasil tanaman yang mendatangkan keuntungan yang lumayan dan manfaatnya kepada para asnaf.

Di MAIPs terdapat pertentangan berkenaan definisi zakat pertanian. Fatwa negeri Perlis mengkategorikan zakat pertanian termasuk di bawah zakat gaji atas dasar memperolehi hasilnya pada musim dan waktu tertentu.<sup>15</sup> Ini bertentangan dengan definisi yang dikeluarkan oleh pihak MAIPs di dalam Buku Panduan Mengeluarkan Zakat. Berdasarkan kepada kepelbagaiannya pentakrifan ini, sewajarnya pihak-pihak yang berwajib negeri membangunkan sistem garis panduan tafsiran setiap istilah jenis-jenis harta dan asnaf zakat agar pelaksanaannya selari dengan terminologi yang ditetapkan.

## NISAB ZAKAT PERTANIAN DI MALAYSIA

Jumhur fuqaha` bersepakat nisab tanaman adalah 5 *awsuq* bersandarkan kepada hadith *Sahīh* dari Abū Sā’id al-Khudrī r.a. yang meriwayatkan bahawa Rasūlullah SAW bersabda: <sup>16</sup>

لِيَسْ فِيهَا أَقْلَمُ مِنْ خَمْسَةِ أَوْ سُقْ صِدْقَةٍ

“Tidak wajib zakat pada yang kurang daripada lima awsuq.”

Walau bagaimanapun, pendapat ini tidak dipersetujui oleh Imām Abū Hanīfah<sup>17</sup> yang tidak menghadkan nisab tanaman, dan diwajibkan zakat atas hasil produktiviti tanpa melihat kepada kuantiti.

<sup>15</sup> Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis, *Koleksi Fatwa Negeri Perlis, Fatwa Mengenai Zakat Gaji* (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis, t.t.), 4-10, lihat Fatwa Negeri Perlis ‘Zakat Gaji,’ laman sesawang *Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)*, <http://www.infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=1939&newlang=mas>, 11 September 2012.

<sup>16</sup> Al-‘Asqalānī, Ahmad bin ‘Alī bin Hajar, *Fath al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Zakāt, Bāb Laysa fī Mā Dūna Khamsa Awsuq Ṣadaqah (Beirūt: Dār al-Ma’rifah, t.t) no. hadith 1484, 3.

<sup>17</sup> Dalil yang diketengahkan oleh Abu Hanifah dalam mensabitkan kewajipan hasil tanaman iaitu firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah 2: 267 dan surah al-An‘ām 6:141 dan hadīth Ibn ‘Umar. Al-Jassas menghuraikan *nas-nas* tersebut dengan menambah zakat diwajibkan atas semua yang keluar dari bumi banyak ataupun sedikit. Al-Kasānī menyokong pendapat ini dengan berhujah bahawa secara logik hasil pertanian merupakan keuntungan yang diperoleh dari bumi tanpa terikat kepada tempoh *hawl*, maka begitu juga nisab tidak terikat kepada kadar tertentu.

Di Malaysia, kesemua negeri berpegang kepada pendapat jumhur ulama<sup>18</sup> dengan mengenakan nisab dengan kadar 5 *awsuq* sebagai kayu ukur kemampuan dan kelayakan *muzakki* untuk mengeluarkan zakat tanaman padi. Penetapan kadar nisab adalah bagi hasil tanaman padi yang telah dibersihkan iaitu dibuang kulit dan jeraminya. Oleh itu, timbangan nisab 5 *awsuq* yang diperaktikkan adalah berasaskan timbangan beras. Oleh itu, padi yang belum dibersihkan iaitu yang belum dibuang kulitnya, maka ketetapan nisabnya adalah diganda dua iaitu 10 *awsuq*.

Walaupun begitu, negeri-negeri di Malaysia tidak bersepakat dalam penetapan kadar timbangan metrik gantang dan kilogram, seperti Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Nisab Zakat Padi di Negeri Selangor, Pulau Pinang, Perlis,  
Terengganu dan Sarawak.

Institusi Zakat	Gantang	Kilogram/ Tan
LZS	363 gantang	1306 kg / 1.306 tan
ZPP	363 gantang	1300 kg / 1.3 tan
MAIPs	363 gantang / 2 kunca 7 naleh	1300 kg / 1.3 tan
MAIDAM	375 gantang / 600 gantang Madinah	937 kg / 0.937 tan
TBS	400 gantang / 50 pasuk	1080 kg / 1.08 tan

Sumber: Temu bual bersama institusi zakat negeri, September-Okttober 2012.<sup>19</sup>

Berdasarkan Jadual 2, terdapat tiga kepelbagaian kadar gantang Malaysia iaitu 363 gantang, 375 gantang dan 400 gantang. Begitu juga dengan kepelbagaian takaran kilogram iaitu 937 kg, 1080 kg, 1300 kg dan 1306 kg.

<sup>18</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 3 (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 1.

<sup>19</sup> Mohd Farid Mohd Zainal (Eksekutif Sektor Penerangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor), dalam temu bual dengan penulis, 12 September 2012; Azhari Ahmad (Pegawai Eksekutif Dakwah dan Rundingan Syara’, Jabatan Kutipan dan Pemasaran, ZPP), dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2012; Roslan Isa (Timbalan Mufti Negeri Perlis) dan Mohamad Abdul Kadir Sahak (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Jabatan Mufti Negeri Perlis), dalam temu bual dengan penulis, 05 September 2012; Tuan Zuhaimi Tuan Sembok (Pegawai Eksekutif Taksiran Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu MAIDAM), dalam temu bual dengan penulis, 09 April 2013; Zulhazmi Bohari (Pegawai Eksekutif Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Bandar Sri Aman), dalam temu bual dengan penulis, 24 September 2012.

Penulis berpendapat kepelbagaian ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor pertama ialah tidak terdapat keselarasan timbangan gantang di setiap negeri dan *converter* peralihan timbangan daripada 5 *awsuq* kepada timbangan gantang dan kilogram. Asasnya kerana gantang adalah alat untuk menyukat dan bukan untuk ditimbang berdasarkan hadith diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar.<sup>20</sup> Sukatan satu *sa’* berbeza berdasarkan keadaan dan semasa misalnya berbeza sukatan gantang Madinah dan Mesir, ini kerana setiap negeri berijtihad menetapkan takaran *sa’* ini berdasarkan bentuk dan saiz model gantang yang diwarisi.

Di Sarawak menurut Zulhazmi Bohari,<sup>21</sup> masih menggunakan timbangan traditional 40 sehingga 55 pasuk<sup>22</sup> yang telah diamalkan oleh pengusaha padi terdahulu sebelum wujudnya Tabung Baitulmal Sarawak. Kadar ini masih dipraktikkan sehingga sekarang, walaupun pada tahun 2007 pihak Baitulmal telah menetapkan kadar timbangan moden 400 gantang bersamaan 1080 kg (1gantang = 2.7kg). Penetapan gantang ini disokong oleh Mujaini Tarimin<sup>23</sup> dan Mahmood Zuhdi<sup>24</sup> iaitu 400 gantang Malaysia menyamai 1600 kati dengan kiraan satu gantang menyamai 4 kati. Walaupun begitu, mereka berbeza pendapat berkenaan penetapan kilogram iaitu masing-masing 960 kg (1 gantang = 2.4kg) dan 1000 kg (1gantang = 2.5kg).

Di Terengganu, kadar takaran nisab berjumlah 375 gantang atau 600 gantang Madinah bersamaan dengan 937 kg (1 gantang = 2.5kg). Manakala di Perlis, Selangor dan Pulau Pinang mengenakan sebesar 363 gantang atau 2 kunca 7 naleh<sup>25</sup> bersamaan 1300 kg dan 1306 kg (1 gantang = 3.58kg).

Kepelbagaian ini jelas disebabkan oleh timbangan traditional lokaliti yang masih digunakan seperti pasuk, kunca dan naleh. Pentaksiran takaran kadar satu gantang yang berbeza sama ada 2.5 kg atau 2.7 kg atau 3.58 kg

<sup>20</sup> Al-Nasā’ī, *Sunān*, Kitāb al-Zakāt, Bāb Kam Sa’ (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002) no. hadith 2520, 5. Ibn Ḥibbān dan Dāruquṭni mensahihkan hadith ini.

<sup>21</sup> Zulhazmi Bohari (Pegawai Eksekutif Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Bandar Sri Aman), dalam temu bual dengan penulis, 24 September 2012.

<sup>22</sup> Takaran traditional Sarawak: 1 pasuk = 8 gantang atau 1 pasuk = 2 tin minyak gas/biskut, 1gantang = 14 tin (kong) susu 387 gram.

<sup>23</sup> Mujaini Tarimin, *Zakat Pertanian Sistem dan Perlaksanaannya* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 40.

<sup>24</sup> Mahmood Zuhdi Ab Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 258.

<sup>25</sup> Takaran traditional Perlis: 4 cupak = 1 gantang, 16 gantang = 1 nalih, 10 nalih = 1 kunca.

menyumbang kepada perbezaan ini. Asas perbezaan ini berlaku disebabkan oleh wujud perbezaan jenis padi yang ditanam di sesuatu kawasan, kerana setiap jenis padi mempunyai timbangan berat yang berbeza bergantung kepada kualiti gred padi serta ketumpatannya.

Perselisihan pendapat ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, bahkan di seluruh dunia. Begitu juga para ulama berbeza pendapat mengenai berapa kilogramkah bagi satu gantang Baghdad? Misalnya perbezaan kadar timbangan Imām Abū Ḥanīfah dan Imām Shāfi’ī masing-masing dengan lapan (8) kati dan lima satu pertiga ( $5 \frac{1}{3}$ ) kati.<sup>26</sup> Penulis berpendapat perbezaan ini berlaku disebabkan beberapa faktor iaitu faktor setempat dan semasa contohnya Imām Abū Ḥanīfah menetap di Iraq manakala Imām Shāfi’ī di Hijaz. Faktor kedua membabitkan bidang kuasa pembuat dasar iaitu Jabatan Mufti dan Baitulmal negeri perlu menilai semula isu ini sepetimana penilaian yang dilakukan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-57 membincangkan cara penetapan harga zakat fitrah seluruh Malaysia.<sup>27</sup> Hasil daripada perbincangan muzakarah telah memutuskan harga zakat fitrah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) bagi beras *Super Tempatan Gred A* mengikut timbangan satu gantang Baghdad bersamaan 2.6 kg. Manakala zakat fitrah bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan harga beras *Vietnam White Rice* bagi negeri Sabah dan *Thai White Rice* bagi negeri Sarawak mengikut timbangan 1 gantang Baghdad bersamaan 2.7 kg. Gantang yang disukat kepada timbangan metrik digital menggunakan replika kayu gantang Baghdad dari Negeri Sembilan dan replika tembaga gantang Baghdad dari Majlis Agama Islam Kelantan.

Jika dibandingkan dengan keputusan muzakarah mengenai ketetapan kadar zakat fitrah dengan amalan yang diaplikasi di negeri-negeri menunjukkan negeri Sarawak sahaja menyamaratakan timbangan kadar zakar fitrah dengan zakat hasil pertanian iaitu satu gantang bersamaan 2.7 kg. Perbezaan yang wujud hanya kuantiti yang perlu dikeluarkan iaitu zakat fitrah hanya 1 gantang manakala hasil tanaman 400 gantang. Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sepetimana keputusan muzakarah mensyorkan takaran satu gantang Baghdad zakat fitrah bersamaan 2.6 kg. Walaupun begitu, dari sudut amalannya, sukatan

<sup>26</sup> Abū ‘Ubayd, al-Qāsim bin Salām, *Kitāb al-Amwāl* (Beirut: Dār al-Syurūk, 1988), 620.

<sup>27</sup> Institut Pengurusan dan Penyelidikan Sedunia INFAD, ‘Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia’, laman sesawang *Institut Pengurusan dan Penyelidikan Sedunia INFAD*, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penentuan-harga-zakat-fitrah-seluruh-malaysia>, 1 November 2012.

1 gantang bagi hasil tanaman berbeza di setiap negeri misalnya di Terengganu satu gantang bersamaan 2.5 kg, manakala di Perlis, Pulau Pinang dan Selangor menetapkan 3.58 kg segantang.

Timbul persoalan menyamaratakan takaran satu gantang zakat fitrah dengan satu gantang zakat hasil tanaman? Ini kerana timbangan satu gantang yang dimaksudkan dalam zakat fitrah adalah gantang Baghdad. Manakala gantang yang digunakan dalam zakat tanaman di Malaysia sudah diubah kepada timbangan gantang Malaysia. Misalnya di Sarawak, 400 gantang<sup>28</sup> hasil tanaman yang dimaksudkan adalah gantang Malaysia.

Penulis berpendapat perlunya ditetapkan satu standard keselarasan timbangan metrik moden iaitu gantang dan kilogram. Fatwa penetapan nilai nisab ini perlu dinilai semula dari semasa ke semasa bagi mendapatkan nilai yang tepat. Ini disebabkan perbahasan mengenai nisab zakat kurang ditekankan di peringkat Baitulmal Negeri dan Jawatankuasa Fatwa. Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, fatwa atau keputusan nisab zakat pertanian selepas pertama kali difatwakan tidak dinilai semula dalam tempoh yang lama, misalnya di Selangor, Pulau Pinang dan Terengganu hanya membahaskan isu penetapan kadar, penolakan kos-kos dan subsidi sahaja. Penilaian semula hukum nisab berlaku di Sarawak daripada 363 gantang ditukar kepada 400 gantang pada tahun 2007, akan tetapi tidak menitikberatkan secara terperinci perakaunan atau taksiran nilai semasa satu gantang. Begitu juga di Perlis, fatwa menetapkan nisab padi 2 kunca 7 naleh bersamaan 937 kilogram, namun pihak MAIPs telah meminda timbangan kilogram kepada 1300 kg berdasarkan situasi semasa tanpa melibatkan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis.<sup>29</sup>

Hasil temu bual penulis bersama Jabatan Mufti Negeri berkenaan fatwa-fatwa zakat pertanian yang pernah diputuskan amat mendukacitakan sekali kerana fatwa-fatwa tersebut tidak disimpan dan didokumenkan secara sistematik dan menyukarkan penulis dan penyelidik meneliti tarikh yang tepat keputusan pernah dikeluarkan, salinan minit mesyuarat muzakarah, hasil perbicangan secara terperinci dan sebagainya. Fakta ini diperakui oleh Ahmad

<sup>28</sup> Zakat fitrah dikenakan 1 gantang Baghdad beras bersamaan 2.7kg, manakala nisab 5 *awsuq* zakat tanaman ialah 400 gantang Malaysia bersamaan 1080kg (1080/400 = 2.7kg). Lihat Tabung Baitulmal Sarawak, ‘Zakat Pertanian,’ laman sesawang *Tabung Baitulmal Sarawak*, <http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my/zakatpertanian4.html>, 31 Ogos 2012.

<sup>29</sup> Roslan Isa (Timbalan Mufti Negeri Perlis) dan Mohamad Abdul Kadir Sahak (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Jabatan Mufti Negeri Perlis), dalam temu bual dengan penulis, 05 September 2012.

Hidayat Buang dalam analisa beliau terhadap fatwa-fatwa semasa Syariah di Malaysia.<sup>30</sup>

Penilaian penulis berkenaan dengan isu perubahan fatwa timbangan gantang di Sarawak dan Perlis, bukanlah disebabkan oleh perubahan ekonomi dan teknologi semasa. Ini kerana dalil nisab 5 *awsuq* sangat *ṣāriḥ* dan *thābit*. Kemungkinan perubahan fatwa nisab adalah sebagai penambahbaikan terhadap hukum yang kurang tepat yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa terdahulu.

Dalam arus globalisasi serba canggih ini, masalah ini boleh diatasi dengan kaedah timbangan metrik yang moden seperti penimbang jenis ‘digital’ yang disediakan oleh Unit Metrik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna KPDNHEP diperaktikkan bagi memastikan ketepatan timbangan menyamai 5 *awsuq* atau 300 gantang Baghdad kepada takaran gantang Malaysia.

Dalam timbangan sistem metrik *mud* (cupak) ditimbang dengan istilah gram (g), manakala *sa'* (gantang) dan *wasaq* ditimbang dengan kilogram (kg). Walaupun begitu, terdapat kesukaran dalam mendapatkan timbangan yang tepat, walaupun menggunakan sukatan satu gantang yang sama timbangannya, akan tetapi hasil timbangan akan berbeza disebabkan jenis dan ketumpatan misalnya timbangan kacang lebih berat daripada jagung, dan jagung lebih berat daripada padi dan tepung. Selain itu, ulama juga berbeza pendapat dalam menetapkan timbangan satu gantang.

Takaran gantang adalah untuk sukatan. Oleh itu, timbangan yang lebih tepat adalah dalam liter dan bukan kilogram. Namun begitu, dengan peredaran zaman, timbangan kilogram adalah lebih cekap serta memudahkan urusan muamalat manusia. Justeru, *Maqāṣid Syarī‘ah* mengiktiraf unsur setempat iaitu negara seperti perbezaan yang berlaku di Madinah dan Baghdad. Maka, penulis berpendapat di Malaysia secara lokalitinya perlu dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Semenanjung Malaysia dan Sabah Sarawak. Penilaian semula perlu bagi menetapkan satu anggaran tepat timbangan di antara jenis-jenis padi yang ditanam di sesuatu kawasan, kerana ia bersifat ijtihad semasa. Pembahagian dua jenis kawasan ini disebabkan faktor geografi yang berbeza, teknologi yang digunakan serta taraf ekonomi petani. Ini kerana pertanian yang diamalkan di Sarawak dan Sabah berbeza daripada yang diamalkan di Semenanjung Malaysia.

---

<sup>30</sup> Ahmad Hidayat Buang, ‘Analisa Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia,’ *Jurnal Syariah* 10/1 (2002): 50.

Penetapan kadar gantang bolehlah merujuk kepada kaedah keselarasan kadar zakat fitrah oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan iaitu satu gantang Baghdad bersamaan 2.6 kg bagi negeri di Semenanjung dan 2.7 kg bagi negeri di Sabah dan Sarawak. Namun, perbezaan berapa gantang yang seharusnya ditakar sama ada 363 gantang, 375 gantang atau 400 gantang Malaysia haruslah dipanjangkan kepada peringkat Suruhanjaya Pentadbiran Zakat Negeri-Negeri (SPZN) untuk menilai *conversion* yang tepat bagi takaran satu gantang Baghdad jika diterjemahkan dalam timbangan kilogram Malaysia. Manakala penetapan harga semasa bergantung kepada jenis padi yang ditanam berdasarkan kualiti dan ketumpatannya misalnya padi sawah dan padi huma boleh dirujuk kepada pihak BERNAS.

### **KETETAPAN *HAWL* (CUKUP SETAHUN) BAGI ZAKAT PERTANIAN**

Berbanding jenis-jenis harta lain yang dikenakan zakat, zakat pertanian dikecualikan daripada ketetapan *hawl* kerana hasil pertanian dikutip apabila tiba waktu menuainya sahaja, berdasarkan firman Allah SWT:

وَإِذَا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ

“Dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya.”

(Surah al-An‘ām 6: 141)

Namun, amalan di Selangor, Sarawak dan Pulau Pinang jika nilai jualan padi pada musim pertama kurang dari nisab, maka hendaklah dicampurkan ke musim kedua di dalam tahun yang sama. Ini kerana berdasarkan temu bual bersama pihak LZS, TBS dan ZPP, kebanyakan petani akan membayar zakat tanaman di akhir tahun bagi memudahkan urusan mereka. Penulis berpendapat kaedah yang ditetapkan ini seolah-olah mengaplikasikan tempoh *hawl* yang bertentangan dengan nas. *Maqṣad* dalam penentuan nisab adalah sebagai kayu ukur kemampuan seseorang dalam mengeluarkan zakat, namun kaedah ini dilihat sebagai menekan para petani dengan mewajibkan zakat tanaman walaupun hasil tanaman tidak melepas kadar nisab sesuatu musim.

### **KADAR ZAKAT PERTANIAN DI MALAYSIA**

Di Malaysia, kesemua negeri di Semenanjung bersepakat menggunakan asas penetapan kadar 10 peratus dan 5 peratus bersumberkan hadith *ṣāriḥ* Ibn ‘Umar:

فِيهَا سُقْتَ السَّيَاءِ وَالْعَيْوَنِ أَوْ كَانَ عَثْرِيَا الْعَشَرَ وَمَا سُقِيَ بِالنَّصْحِ نَصْفُ  
الْعَشَرِ

“Pada apa yang dijirus oleh langit atau mata air atau takungan 10 peratus, dan pada apa yang dijirus dengan tenaga 5 peratus..”<sup>31</sup>

Dan hadith riwayat Jābir:

فِيهَا سُقْتَ الْأَنْهَارِ وَالْعَيْمِ الْعَشَورِ، وَفِيهَا سُقِيَ بِالسَّانِيَةِ نَصْفُ الْعَشَرِ

“Yang dijirus oleh sungai dan hujan 10 peratus dan dijirus dengan unta 5 peratus.”<sup>32</sup>

Penentuan kadar zakat tanaman dibahagikan kepada dua kategori berdasarkan metode pengairan dan tenaga yang digunakan iaitu sama ada pengairan secara semula jadi atau menggunakan jentera serta tenaga manusia. Namun, sebahagian negeri menghadkan kadar dengan mengenakan kadar tunggal sama ada 10 peratus atau 5 peratus sahaja. Manakala di Sarawak kadar alternatif ketiga dikenakan iaitu 7.5 peratus berdasarkan pendapat Ibn Qudāmah, seperti Jadual 3.

Jadual 3: Kadar Zakat Pertanian di Selangor, Pulau Pinang, Terengganu, Perlis dan Sarawak.

Bil.	Negeri	Kadar Zakat (%)
1.	LZS	5% sahaja
2.	ZPP	10% sahaja
3.	MAIDAM	5% dan 10%
4.	MAIPs	5% dan 10%
5.	TBS	5%, 10% dan 7.5%

Sumber: Temu bual bersama institusi zakat negeri, September-Okttober 2012.<sup>33</sup>

<sup>31</sup> Al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar, *Fath al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Zakāt, Bāb al-‘Usyr fī Mā Yuskha Min Mā’ as-Samā’ Wa Bil Mā’ al-Jāri (Beirūt: Dār al-Ma’rifah, t.t), no. hadith 1483, 3.

<sup>32</sup> Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Zakāt, Bāb Mā Fīhi al-‘Usyr al-Nisfu al-‘Usyr (Riyād: Dār al- Ṭayyibah, 2006), no. hadith 981.

<sup>33</sup> Mohd Farid Mohd Zainal (Eksekutif Sektor Penerangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor), dalam temu bual dengan penulis, 12 September 2012; Azhari Ahmad (Pegawai Eksekutif Dakwah dan Rundingan Syara’, Jabatan Kutipan dan Pemasaran, ZPP ), dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2012; Roslan Isa (Timbalan Mufti Negeri Perlis) dan Mohamad Abdul Kadir Sahak (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Jabatan Mufti Negeri Perlis), dalam temu bual dengan penulis, 05 September 2012; Tuan Zuhaimi Tuan Sembok (Pegawai Eksekutif

Berdasarkan Jadual 3, dapat disimpulkan terdapat tiga kategori penetapan kadar zakat tanaman. Pertama, penetapan kadar tunggal sama ada 5 peratus atau 10 peratus sahaja yang diamalkan di negeri Selangor dan Pulau Pinang. Walaupun begitu, pada tahun 1989, Selangor pernah menggunakan dua pilihan kadar zakat tanaman iaitu 5 peratus atau 10 peratus mengikut kerelaan petani. Oleh kerana, tidak terdapat satu panduan yang khusus, maka pihak Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' telah memutuskan kadar zakat tanaman padi ialah 10 peratus sahaja berdasarkan kitab *Majmū' Syarḥ al-Muhazzab* menyatakan parit dan tali air yang dikorek berhubung dengan sungai yang besar dan memakan belanja yang tinggi zakatnya masih dikenakan sebesar 10 peratus.<sup>34</sup> Kini, dengan penggunaan teknologi pertanian moden, Mohd Farid Mohd Zainal<sup>35</sup> menegaskan Lembaga Zakat Selangor telah menilai semula dan menetapkan kadar 5 peratus bagi zakat tanaman dengan alasan realiti di Selangor kesemua 100 peratus petani yang mengusahakan tanaman padi sawah menggunakan saliran yang disediakan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran JPS Selangor melibatkan saliran yang sistematis dan terancang serta tidak lagi menggunakan saliran semulajadi.

Fuqaha' juga berbeza pendapat dalam isu pembelian air ini sepertimana al-Rāfi'ī berbeza pendapat dengan al-Dusūqī dengan mengenakan kadar 5 peratus jika melibatkan pembelian air (cukai tali air). Beliau berpendapat pembelian air tergolong dalam tanggungan kos.<sup>36</sup> Walaupun begitu, terdapat syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum dikurangkan kadar zakat iaitu kos tersebut mestilah kos yang besar dengan melihat kepada 'urf pertanian semasa dan kos tersebut secara langsung mempengaruhi produktiviti hasil pertanian. Ini kerana para fuqaha tidak memasukkan kos mewujudkan saliran atau takungan sebahagian daripada kos tanaman berdasarkan pendapat Imām Nawawī disokong oleh Imām Haramayn.

Di Pulau Pinang, berlaku juga penilaian semula hukum penetapan kadar semasa. Kadar 5 peratus adalah kadar yang sedia dipakai sebelum ini oleh

---

Taksiran Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu MAIDAM), dalam temu bual dengan penulis, 09 April 2013; Zulhazmi Bohari (Pegawai Eksekutif Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Bandar Sri Aman), dalam temu bual dengan penulis, 24 September 2012.

<sup>34</sup> Majlis Agama Islam Selangor, *Keputusan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'*(Fatwa) Negeri Selangor Darul Ehsan, Mengenai Penjelasan Hukum Zakat Tanaman (Selangor: Majlis Agama Islam Selangor, 1989), 10.

<sup>35</sup> Mohd Farid Mohd Zainal (Eksekutif Sektor Penerangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor), dalam temu bual dengan penulis, 12 September 2012.

<sup>36</sup> Al-Nawawī, *al-Majmū'* (Qāhirah: Maktabah al-Imām, t.t.), 5: 445.

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang,<sup>37</sup> namun pada tahun 2005 Muzakarah Fatwa Negeri telah memutuskan kadar zakat tanaman padi sebesar 10 peratus dengan memberi pelepasan kos operasi. Penulis berpendapat Mufti Pulau Pinang dalam memutuskan keputusan ini berpegang kepada pandangan al-Dusuqi.<sup>38</sup> Ini berdasarkan hasil temu bual bersama Y.Bhg. Sahibul Samahah Dato' Seri Haji Hassan Haji Ahmad<sup>39</sup> seperti berikut:

*“Timbul juga isu berkenaan dengan cukai tali air JPN (Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri), cukai air tidak banyak dan tidak padan dan tidak boleh dimasukkan dalam usaha pengairan yang menjadikan kadarnya 5 peratus. Contohnya satu relong berapa RM sahaja. Oleh itu, ia dikira sebagai cukai biasa sahaja. Kadar 10 peratus lebih menguntungkan kepada asnaf dan lebih sesuai.”*

Pandangan ini mengutamakan *maṣlahah* para asnaf berbanding melihat dengan lebih menyeluruh kedua-dua entiti zakat termasuklah *muzakkī* (petani) itu sendiri. Namun, berdasarkan keputusan Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang dalam menetapkan kadar 10 peratus dengan mengambil kira penolakan kos-kos operasi, adalah hampir menyamai kadar 5 peratus sepetimana yang diaplikasikan di Selangor ke atas kos kasar iaitu tanpa penolakan sebarang kos-kos.

Kategori kedua penetapan kadar zakat tanaman adalah berlandaskan zahir hadith iaitu dengan kadar 10 peratus bagi saliran semula jadi dan 5 peratus bagi yang melibatkan tenaga kerja sepetimana yang diperaktikkan di Perlis dan Terengganu. Di Perlis, kadar zakat yang telah ditetapkan pada tahun 1980-an adalah sebanyak 5 peratus sahaja iaitu kadar tunggal.<sup>40</sup> Namun, MAIPs telah mengemaskini kaedah dengan mengenakan kadar 5 peratus sekiranya tidak menolak sebarang kos dan 10 peratus sekiranya ditolak kos-kos bagi menepati kehendak syara'.<sup>41</sup> Kaedah terkini yang digunakan oleh MAIPs lebih menitikberatkan nilai keadilan kepada para petani dan asnaf zakat dengan

<sup>37</sup> Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, *Mesyuarat Jawatankuasa Syariah* (Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Bil. 1/2005), 3.

<sup>38</sup> Al-Dusūqī, Muḥammad bin Aḥmad, *Hāsyiah al-Dusūqī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1996), 2:32.

<sup>39</sup> Haji Hassan Haji Ahmad (Sahibul Samahah Dato' Seri, Mufti Negeri Pulau Pinang), dalam temu bual dengan penulis, 20 September 2012.

<sup>40</sup> Lihat Fatwa Negeri Perlis mengenai ‘Zakat Gaji’, <http://www.infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=1939&newlang=mas>, 11 September 2012.

<sup>41</sup> Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, *Buku Panduan Mengeluarkan Zakat* (Perlis: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 2001), 18.

mengimbangi di antara kadar penetapan zakat tanaman dengan penolakan kos-kos tertentu.

Di Terengganu, kadar tunggal 10 peratus telah dikenakan pada tahun 1990 kerana saliran air ketika itu didapati dari parit dan saliran air yang percuma dan cukai air yang dikenakan ketika itu tidak membebankan. Maka, ia tidak mengubah kadar zakat. Keadaan berubah pada tahun 1994 apabila wujudnya usaha menggunakan jentera moden dalam sektor pengairan. Oleh itu, kadar baru yang dikenakan ialah 5 peratus dan kadar 10 peratus, masih dikekalkan bagi petani yang menggunakan saliran air tradisional menggunakan parit, takungan air dan tадahan hujan.

Kategori ketiga yang menetapkan kadar alternatif ketiga iaitu 7.5 peratus selepas 5 peratus dan 10 peratus. Meskipun kadar yang telah ditetapkan *nas* 5 peratus dan 10 peratus sahaja, namun menurut Zulhazmi Bohari secara praktikalnya, pihak TBS mengenakan secara puratanya dengan kadar 7.5 peratus sahaja berdasarkan pandangan Ibn Qudāmah.<sup>42</sup> Ini kerana beberapa faktor. Faktor pertama adalah faktor geografi di Sarawak berbeza dan jenis tanaman padi yang ditanam adalah seperti padi huma dan padi sawah. Faktor kedua adalah kawasan tanaman yang berbukit bukau yang menghadkan penggunaan teknologi moden dalam sistem pengairan dan pertanian.

Penulis berpendapat perbahasan penetapan kadar 7.5 peratus hanya jika melibatkan dua jenis tanaman atau lebih, dijirus secara bercampur-campur dan sekiranya nisbah kedua-dua pengairan sama banyak.<sup>43</sup> Ini kerana berkenaan kerja-kerja menggali parit atau tali air Ibn Qudāmah tidak memasukkannya dalam takrif penjirusan dan tidak mengurangkan kadar zakat, oleh kerana istilah “kerja berat” terlalu subjektif dan sukar ditentukan.<sup>44</sup>

Berpandukan analisa ketiga-tiga kategori di atas, disimpulkan kadar zakat pertanian di Malaysia berbeza mengikut persekitaran negeri masing-masing. Ini kerana perbezaan disebabkan oleh pengaruh faktor-faktor kapasiti pengairan saliran air, cuasa, sumber tenaga (teknologi) dan perubahan geografi sesetengah tempat. Tidak dinafikan asas penetapan kadar zakat tanaman bertunjangkan *nas* *ṣāriḥ* hadīth Ibn ‘Umar dan hadīth Mu’az yang berasaskan pengairan sama ada 10 peratus ataupun 5 peratus, namun objektif Syariah meraikan keadaan setempat (lokaliti).

<sup>42</sup> Zulhazmi Bohari (Pegawai Eksekutif, Tabung Baitulmal Sarawak, Cawangan Bandar Sri Aman), dalam temu bual dengan penulis, 24 September 2012.

<sup>43</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 3 (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 10.

<sup>44</sup> Al-Nawawī, *al-Majmū’*, vol. 5, 447.

Kesemua fuqaha mazhab telah memperincikan kaedah penetapan kadar ini seperti al-Kasānī<sup>45</sup> mengiyaskan bebanan sebagai ‘*illah* penentuan begitu juga al-‘Imrānī<sup>46</sup> dan Ibn Qudāmah<sup>47</sup> dengan mendatangkan contoh haiwan *sa ’imah* diwajibkan zakat. Ini kerana zakat diwajibkan ke atas hasil usaha manusia dan bebanan akan mengurangkan produktivitinya. Walaupun begitu, al-Dusūqī<sup>48</sup> menegaskan penetapan kadar 10 peratus jika membeli air atau mengupah pengairan disebabkan bebanan yang sangat sedikit.

Dalam arus globalisasi kini yang menuntut setiap tindakan diurus tadbir, maka kadar zakat pertanian tidak lagi diputuskan oleh petani sendiri sepertimana yang diamalkan secara traditional dahulu. Kini, urusan pengairan pertanian diurus oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri. Oleh itu, sudah menjadi tanggungjawab institusi zakat negeri berhubung dengan pihak yang terlibat secara langsung mengurus sektor pertanian ini dari semasa ke semasa. Ini bagi mengemaskini hukum dan menetapkan kaedah berasaskan pengairan yang bersesuaian dengan keadaan semasa.

## **PENOLAKAN PERBELANJAAN KOS-KOS ZAKAT PERTANIAN DI MALAYSIA**

Pelepasan kos-kos tertentu sebelum dikenakan zakat pertanian sudah diaplikasikan di sebahagian negeri di Malaysia sebagai keringanan kepada petani dengan membenarkan penolakan kos operasi tanaman dan atau kos sara hidup seperti Jadual 4.

Berdasarkan hasil temu bual didapati hanya di negeri Selangor dan Terengganu sahaja tidak membenarkan sebarang penolakan kos dan dikenakan zakat tanaman ke atas kos kasar sahaja. Sebahagian negeri pula hanya memberikan pelepasan kos-kos operasi sahaja seperti yang dipraktikkan di negeri Sarawak. Manakala pelepasan kesemua kos termasuk kos operasi dan kos sara diri dibenarkan sebelum pengeluaran zakat tanaman di negeri Pulau Pinang dan Perlis.

---

<sup>45</sup> Al-Kasānī, ‘Alaw al-Dīn, *Badā’ī al-Šanā’ī*, vol. 2 (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002), 185.

<sup>46</sup> Al-‘Imrānī, Yaḥyā bin Abī Khayr, *al-Bayān fī al-Madhhab al-Imām al-Shāfi’ī*, vol. 3 (Beirut: Dār al-Minhāj, 2000), 236.

<sup>47</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 4, 165.

<sup>48</sup> Al-Dusūqī, *Hāsyiah al-Dusūqī*, vol. 2, 32.

Jadual 4: Tolakan Kos-Kos Sebelum Diwajibkan Zakat Padi di Selangor, Pulau Pinang, Terengganu, Perlis dan Sarawak.

Bil.	Negeri	Tolakan Kos-Kos
1.	LZS	Tiada tolakan
2.	ZPP	Tolak kos operasi dan kos sara hidup (jika tiada punca pendapatan lain)
3.	MAIDAM	Tiada tolakan
4.	MAIPs	Tolak kos operasi dan kos sara hidup (jika tiada punca pendapatan lain)
5.	TBS	Tolak kos operasi sahaja

Sumber: Temu bual bersama institusi zakat negeri, September-Okttober 2012.<sup>49</sup>

Di Selangor, zakat tanaman dikenakan ke atas pendapatan kasar sahaja. Ini berdasarkan keputusan yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' pada tahun 1989 berpandukan kitab *al-'Ubāb* menyatakan:

*"Apabila sesudah menuai hasil tanaman, para petani tidak dibenarkan memakan hasil tersebut, membayar upah mengetam atau mengeluarkan sedekah sebelum dikeluarkan zakat tanaman. Hukuman takzir akan dikenakan sekiranya petani ingkar. Manakala segala perbelanjaan kos-kos tanaman ditanggung sendiri oleh para petani."*<sup>50</sup>

Keputusan ini masih diaplikasikan sehingga kini, walaupun kebanyakan negeri seperti Perlis, Pulau Pinang dan Sarawak sudah memberi pelepasan sama ada penolakan kos operasi sahaja atau dengan kos sara diri. Berdasarkan

<sup>49</sup> Mohd Farid Mohd Zainal (Eksekutif Sektor Penerangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor), dalam temu bual dengan penulis, 12 September 2012; Azhari Ahmad (Pegawai Eksekutif Dakwah dan Rundingan Syara', Jabatan Kutipan dan Pemasaran, ZPP ), dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2012; Roslan Isa (Timbalan Mufti Negeri Perlis) dan Mohamad Abdul Kadir Sahak (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Jabatan Mufti Negeri Perlis), dalam temu bual dengan penulis, 05 September 2012; Tuan Zuhaimi Tuan Sembok (Pegawai Eksekutif Taksiran Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu MAIDAM), dalam temu bual dengan penulis, 09 April 2013; Zulhazmi Bohari (Pegawai Eksekutif, Tabung Baitulmal Sarawak, Cawangan Bandar Sri Aman), dalam temu bual dengan penulis, 24 September 2012.

<sup>50</sup> Majlis Agama Islam Selangor, *Keputusan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) Negeri Selangor Darul Ehsan, Mengenai Penjelasan Hukum Zakat Tanaman* (Majlis Agama Islam Selangor, 1989), 11-12.

temu bual penulis bersama Mohd Farid Mohd Zainal<sup>51</sup> mendapati isu ini masih belum dilakukan kajian semula oleh pihak Penyelidikan Syariah LZS, walaupun terdapat permintaan penilaian semula berkenaan dengan penolakan kos had kifayah para petani yang membayar zakat tanaman.

Kategori kedua adalah negeri-negeri yang membenarkan pelepasan kos-kos tertentu sebelum dikenakan zakat tanaman iaitu seperti yang dipraktikkan di Sarawak, Pulau Pinang dan Perlis. Negeri Perlis, Pulau Pinang dan Sarawak bersepakat memberikan pelepasan kos-kos kepada pengusaha padi seperti kos baja, racun, sewa tanah, upah tenaga dan mesin tuaian, upah membajak tanah dan kos pengangkutan.

Di Pulau Pinang, terdapat satu lagi pelepasan yang dibenarkan pada tahun 2005 iaitu potongan luar jangka sebanyak  $\frac{1}{4}$  seperti serangan burung, bencana alam dan lain-lain. Walaupun begitu, berdasarkan pendapat Azhari Ahmad<sup>52</sup> dan juga pamphlet zakat tanaman padi 2012 tidak dinyatakan pelepasan ini. Ini jelas menunjukkan ia sudah tidak diamalkan oleh ZPP.

Berkenaan dengan penolakan kos sara hidup, hasil temu bual yang telah dijalankan mendapati hanya negeri Perlis dan Pulau Pinang sahaja yang membenarkan penolakan kesemua kos iaitu kos pengeluaran dan keperluan sara diri. Di Perlis, penolakan kedua-dua kos ini telah diputuskan semenjak tahun 1980-an oleh Jawatankuasa Fatwa Perlis ketika itu. Mereka mengistinbat keharusan ini berdasarkan *qawl* Ibn ‘Abbās, Ibn ‘Umar, Ahmad Ibn Ḥanbal dan lain-lain dengan alasan hutang *darūriyyāt* bagi persoalan penolakan kos operasi adalah masalah *ijtihādiyyah* berpandukan pandangan berikut:

عن جابر بن زيد. قال في الرجل يستدين فينفق على أهله وأرضه قال :  
قال ابن عباس : يقضى ما أنفق على أرضه . وقال ابن عمر : يقضى ما أنفق  
على أرضه وأهله

“Dari pada Jabir Ibn Zayd, katanya: Dalam kes seseorang yang berhutang dan kemudian membelanjakannya kepada keluarganya. Kata Ibn ‘Abbas, dia perlu membayar apa yang dia belanjakan untuk kebunnya sahaja. Sedangkan kata Ibn ‘Umar; dia perlu membayar apa yang dia belanjakan atas kebunnya dan juga keluarganya.”<sup>53</sup>

<sup>51</sup> Mohd Farid Mohd Zainal (Eksekutif Sektor Penerangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor), dalam temu bual dengan penulis, 12 September 2012.

<sup>52</sup> Azhari Ahmad (Pegawai Eksekutif Dakwah dan Rundingan Syara’, Jabatan Kutipan dan Pemasaran, ZPP), dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2012.

<sup>53</sup> Abū ‘Ubayd, al-Qāsim bin Salām, *Kitāb al-Amwāl* (Beirūt: Dār al-Fikr, 1988), 611.

Manakala penolakan keperluan asasi dan perbelanjaan *daruriyyāt* berasaskan pendapat Ibn ‘Umar yang menyatakan bahawa zakat dikenakan ke atas orang-orang kaya sahaja berdasarkan hadith Rasulullah SAW:

لَا صَدْقَةٌ إِلَّا عَنْ ظَهُورٍ غَنِيٍّ

“*Tidaklah bersedekah (berzakat) melainkan ke atas orang kaya..*”<sup>54</sup>

Ini selari dengan hadith:

...تَؤْخُذُ مِنْ أَغْنِيَاهُمْ وَتُرْدَعْ عَلَى فَقَرَائِبِهِمْ

“*Diambil zakat dari orang kaya mereka dan dipulangkan ke atas orang fakir mereka.*”<sup>55</sup>

Ini kerana salah satu asnaf yang menjadi objektif kutipan zakat adalah membantu golongan fakir miskin sepertimana firman Allah SWT:

إِنَّمَا الصَّدَقَةُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ فُلُوْجُهُمْ  
وَفِي الرَّقَابِ وَالْغَرِيمَيْنَ وَفِي سَيِّلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّيِّلِ فِرِيْضَةٌ مِّنْ  
اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيْمٌ حَكِيمٌ

٦٠

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir; dan orang-orang miskin, dan amil-amil Yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf Yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba Yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang Yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) Dalam perjalanan. (Ketetapan hukum Yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

(Surah al-Tawbah, 9: 60)

<sup>54</sup> Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *Šaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb Zakāt, Bāb Lā Šadaqah illā ‘an Zahrī Ghani (Damsyiq: Dār Ibn Kathīr, 1993), no. hadith 1360.

<sup>55</sup> Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *Šaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitab al-Zakāt, Bāb Wujūb al-Zakāt (Damsyiq: Dār Ibn Kathīr, 1993), no. hadith 1395.

Secara amalannya di Perlis, penolakan kos pengeluaran secara amnya dibenarkan kepada seluruh warga petani, namun penolakan kesemua kos iaitu kos operasi dan sara diri hanya dibenarkan jika petani tersebut tidak mempunyai pendapatan yang lain selain daripada bertani. MAIPs mengimbangi di antara penetapan kadar dan penolakan kos-kos, misalnya sekiranya berlaku penolakan kos sebelum dizakatkan maka kadar yang dikenakan adalah sebanyak 10% (kadar asal). Keadaan kedua, sekiranya petani tidak menolak sebarang kos, maka kadar yang ditetapkan adalah sebesar 5% (kadar *rukhsah*).

MAIPs telah menetapkan formula yang khusus bagi penolakan kos keperluan sara diri meliputi keperluan diri petani dengan kadar sehari RM14.12, kadar keperluan sehari isteri RM8.47 dan kadar sehari bagi anak-anak adalah RM3.28. Manakala jumlah penolakan maksima setahun yang dibenarkan bagi keperluan diri petani, isteri dan anak-anak masing-masing RM5,000, RM3,000 dan RM1,200. Selain itu penolakan hutang *darūriyyāt* seperti kenderaan dan kediaman juga dibenarkan, begitu juga kos perubatan dan pemberian ehsan kepada ibu bapa.<sup>56</sup> Di Pulau Pinang<sup>57</sup> pada tahun 2005 telah mengesyorkan penolakan kos sara diri jika tidak mempunyai pendapatan yang lain sepertimana amalan di Perlis. Berdasarkan temu bual bersama Azhari Ahmad,<sup>58</sup> realitinya hukum ini tidak diaplikasikan oleh ZPP walaupun sudah terdapat ketetapan Jawatankuasa Syariah dan ia tidak dimuatkan dalam pamflet zakat tanaman padi 2012 ZPP.

## KESIMPULAN

Cadangan serta intipati yang dapat diambil daripada perbincangan kajian ini ialah penilaian sesuatu fatwa zakat pertanian yang telah diputuskan perlu dinilai semula dari semasa ke semasa sepertimana peruntukan di dalam seksyen 50 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAI) dengan memberi bidangkuasa kepada Jawatankuasa Fatwa dalam meminda, mengubahsuai atau membatalkan sesuatu fatwa dari semasa ke semasa. Namun, amalannya di Malaysia sesuatu fatwa yang pernah diputuskan tidak dinilai semula, kecuali jika ia menjadi isu kontroversi sepertimana termaktub di bawah seksyen 47

<sup>56</sup> Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, *Buku Panduan Mengeluarkan Zakat* (Perlis: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 2001), 20.

<sup>57</sup> Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, *Mesyuarat Jawatankuasa Syariah* (Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2005), Perkara 3.0 (e).

<sup>58</sup> Azhari Ahmad (Pegawai Eksekutif Dakwah dan Rundingan Syara', Jabatan Kutipan dan Pemasaran, ZPP, MAINPP), dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2012.

EPAI. Hal ini perlu diatasi segera kerana mengeluarkan sesuatu fatwa yang bersifat *ad-hoc* akan mengakibatkan sesuatu fatwa itu tidak menepati *maṣlaḥah* semasa dan setempat yang kemungkinan hanya relevan pada masa dan ketika isu kontroversi itu timbul dan demi kepentingan sesetengah pihak sahaja.

## RUJUKAN

- Abū ‘Ubayd, al-Qāsim bin Salām, *Kitāb al-Amwāl* (Beirut: Dār al-Syurūk, 1988).
- Ahmad Hidayat Buang, ‘Analisa Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia,’ *Jurnal Syariah* 10/1 (2002): 50.
- Al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar, *Fath al-Bārī bi Syarḥ Sahīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Ma’rifah, t.t.).
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *Sahīḥ Bukhārī* (Damsyiq: Dār Ibn Kathīr, 1993).
- Al-Dusūqī, Muḥammad bin Aḥmad, *Hāsyiah al-Dusūqī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1996).
- Ibn Qudāmah, *al-Mughnī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994).
- Al-‘Imrānī, Yaḥyā bin Abī Khayr, *al-Bayān fī al-Madhhab al-Imām al-Shāfi’ī* (Beirut: Dār al-Minhāj, 2000).
- Institut Pengurusan dan Penyelidikan Sedunia (INFAD), ‘Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia,’ laman sesawang *Institut Pengurusan dan Penyelidikan Sedunia (INFAD)*, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penentuan-harga-zakat-fitrah-seluruh-malaysia>, 1 November 2012.
- Al-Kasānī, ‘Alaw al-Dīn, *Badā’i al-Ṣanā’i* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002).
- Al-Khāṭib al-Sharbinī, *Mughnī al-Muḥtāj*, vol. 2 (Beirut: Dār al-Fikr, 1978).
- Lembaga Zakat Selangor, ‘Zakat Pertanian,’ laman sesawang *Lembaga Zakat Selangor*, <http://www.e-zakat.com.my/zakat-harta/zakat-pertanian>, 31 September 2012.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003).
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, *Buku Panduan Mengeluarkan Zakat* (Perlis: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 2001).

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis, *Koleksi Fatwa Negeri Perlis, Fatwa Mengenai Zakat Gaji* (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis, t.t.).

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, *Mesyuarat Jawatankuasa Syariah* (Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2005).

Majlis Agama Islam Selangor, *Keputusan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'* (Fatwa) Negeri Selangor Darul Ehsan, Mengenai Penjelasan Hukum Zakat Tanaman (Majlis Agama Islam Selangor, 1989).

Mujaini Tarimin, *Zakat Pertanian Sistem dan Perlaksanaannya di Malaysia dengan Rujukan Khas kepada Mukim Tanjung Karang Selangor* (Disertasi Sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1987).

Mujaini Tarimin, *Zakat Pertanian Sistem dan Perlaksanaannya* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990).

Muslim, *Sahīḥ Muslim* (Riyāḍ: Dār al-Ṭayyibah, 2006).

Al-Nasā'ī, *Sunān* (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002).

Al-Nawawī, *al-Majmū'* (Qāhirah: Maktabah al-Imām, t.t.).

Pamflet Zakat Pertanian 2012, Lembaga Zakat Selangor.

Pamflet Zakat Pertanian 2012, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.

Pamflet Zakat Pertanian 2012, Pusat Urusan Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Al-Shāfi'ī, *al-Umm*, vol. 2 (Beirūt: Dār al-Ma'ārif, 1973).

Al-Sayūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd Rahmān, *al-Ashbah wa al-Nazāir*, cet. ke-2 (Riyādh: Maktabah Nazār Muṣṭafā al-Bāz, 1997).

Tabung Baitulmal Sarawak, 'Tanam-Tanaman,' laman sesawang *Tabung Baitulmal Sarawak*, <http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my/zakatpertanian4.html>, 31 Ogos 2012.

Zakat Pulau Pinang, 'Zakat Pertanian,' laman sesawang *Zakat Pulau Pinang*, [http://www.zakatpenang.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=23&Itemid=102](http://www.zakatpenang.com/index.php?option=com_content&view=article&id=23&Itemid=102), 2 September 2012.

## Statut

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAI).

Perlembagaan Persekutuan (2006) Jadual Kesembilan, Senarai II (Negeri).

### **Temu bual**

Azhari Ahmad (Pengawai Eksekutif Dakwah dan Rundingan Syara', Jabatan Kutipan dan Pemasaran, ZPP, MAINPP), dalam temu bual bersama penulis, pada 18 September 2012.

Haji Hassan Haji Ahmad (Sahibul Samahah Dato' Seri, Mufti Negeri Pulau Pinang), dalam temu bual bersama penulis, pada 20 September 2012.

Mohd Farid Mohd Zainal (Eksekutif Sektor Penerangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor), dalam temu bual bersama penulis, pada 12 September 2012.

Mohd Nazim Haji Md Noor (Ketua Unit Zakat Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Perlis), dalam temu bual bersama penulis, pada 4 September 2012.

Roslan Isa (Timbalan Mufti Negeri Perlis), dalam temu bual bersama penulis, pada 5 September 2012.

Tuan Zuhaimi Tuan Sembok (Pengawai Eksekutif Taksiran Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu MAIDAM), dalam temu bual bersama penulis, pada 3 Oktober 2012.

Zulhazmi Bohari (Pengawai Eksekutif Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Bandar Sri Aman), dalam temu bual bersama penulis, pada 24 September 2012.